Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 6/10/2019
M/SURAT : 12

84 peratus sokong perluas subsidi untuk M40

SHAH ALAM - Kira-kira 84 peratus daripada keseluruhan seramai 7,829 pelayar media sosial menyokong agar kerajaan memperluaskan pemberian subsidi petrol bersasar kepada golongan M40 berbanding hanya untuk penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

Baki sebanyak 16 peratus pula bersetuju agar pemberian subsidi itu dikekalkan kepada golongan sasar membabitkan kira-kira dua juta penerima BSH yang mempunyai kenderaan berdaftar.

Peratusan itu berdasarkan kaji selidik dalam talian menerusi Facebook dan Twitter *Sinar Harian* setakat jam 5 petang semalam yang bermula jam 8 malam kelmarin dan akan berakhir jam 12 tengah hari hari ini.



Layar skrin Facebook Sinar Harian menunjukkan peratusan pengundian berhubung pemberian subsidi petrol bersasar sehingga jam 5 petang semalam.

Menurut seorang pelayar, Zamali Ab Manan, berdasarkan kajian, kumpulan sederhana juga hidup dalam keadaan 'cukup-cukup' sahaja.

"Sekiranya perbelanjaan pada bulan itu berubah akibat 'perbelanjaan luar jangka', mereka akan terkesan.

"Wajar sangat had pendapatan keluarga yang diguna pakai (B40) dianjak kepada yang lebih tinggi," katanya.

Tamil Naresh Kumar pula berkata, subsidi petrol bersasar itu perlu diberikan kepada mereka yang layak dan memohon agar kerajaan mengawal harga minyak tanpa kenaikan dan penurunan secara kerap.

Sementara itu, Normah Rashid berkata, kerajaan perlu memberi subsidi untuk semua warganegara dan menaikkan harga petrol kepada warga asing berdasarkan nombor kad pengenalan agar rakyat mendapat manfaat.